

Pusat prasekolah tingkat tahap kebersihan

DENGAN penularan virus Influenza A (H1N1), pusat prasekolah di sini telah meningkatkan usaha mencegah penyebaran jangkitan dan tahap kebersihan yang dikehendaki Agensi Sekitaran Kebangsaan (NEA) dalam cabaran *Singapore's OK* (SOK).

Sebanyak 27 pusat prasekolah telah menerima pengiktirafan SOK, antaranya ialah kesemua 22 pusat Learning Vision; dua pusat Metropolitan Persatuan Pemuda Kristian (YMCA), dua pusat The Odyssey dan pusat Small World Educare. Terdapat 1,225 pusat prasekolah di sini.

Menteri Negara (Pembangunan Masyarakat, Belia dan Sukan), Cik Yu-Foo Yee Shoon, berkata pusat prasekolah telah mengambil inisiatif mempertingkatkan tahap kebersihan dengan mendapatkan pengiktirafan SOK.

Beliau menyebut tentang Learning Vision memastikan tahap kebersihan melalui pelibatan kanak-kanak sebagai duta kebersihan.

Mereka diberi tugas memeriksa kebersihan tandas bagi memastikan mereka menjaga kebersihan pusat serta diri sendiri.

Cik Yu-Foo berkata demikian dalam majlis penyampaian pengiktirafan SOK di pusat prasekolah Learning Vision di Cecil Street, semalam.

Menurut beliau, prosedur yang disyorkan Kementerian Kesihatan bagi mencegah penularan penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) telah ditetapkan bagi mencegah penularan flu H1N1 di pusat prasekolah.